

Semua Pentadbir Tanah,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN.

Tuan,

Arahan PTG.BIL-1/1999 Dalam Penyediaan Kertas Ringkasan:

- 1. Penggunaan Huruf ARIAL 14**
 - 2. Penggunaan Sistem Metrik Dalam Pengurusan Tanah**
 - 3. Penggunaan Terminologi Tanah Selaras Dengan Kanun Tanah Negara**
-

Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas dan memaklumkan terdapat ketidakseragaman di antara daerah-daerah dalam penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dari segi saiz dan jenis abjad yang digunakan disamping masih terdapat daerah-daerah yang menggunakan "system imperial" dan terminology tanah yang tidak mengikut garis panduan yang telah diedarkan.

2. Sehubungan dengan ini tuan-tuan adalah diperlukan supaya memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa penyediaan Kertas Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri:-

- (a) Penggunaan saiz dan jenis abjad mengikut ARIAL 14 dalam penyediaan semua Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Arahan tersebut pernah dibuat oleh YB Setiausaha Kerajaan dalam Mesyuarat Post EXCO.
- (b) Penggunaan sistem metrik sepenuhnya dalam semua penyediaan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan hakmilik-hakmilik selaras dengan arahan PTG.Bil.1/88 berlampir. Walau bagaimanapun unit kiraan di bawah sistem imperial hendaklah dicatitkan dalam kurungan.
- (c) Penggunaan terminologi yang setepatnya mengikut Kanun Tanah Negara bagi jenis kegunaan tanah dan syarat-syarat nyata selaras dengan Pekeliling PTG.Bil.4/98 yang telah diedarkan baru-baru ini sebagai contoh:-

Industri **bukan** Perusahaan.
Bangunan Perniagaan **bukan** Bangunan komersial.
Bangunan kediaman **bukan** Bangunan Perumahan.

3. Adalah diharapkan arahan-arahan di atas dapat dilaksanakan supaya semua kertas yang disediakan di daerah-daerah dapat diseragamkan dan mematuhi Pekeliling-Pekeliling yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah dan Galian dari masa kesemasa untuk kemudahan ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor membacanya dan seterusnya membuat pertimbangan yang sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

*** BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ***

Saya yang menurut perintah,

T.T.

(DATO' HJ ZULKIFLI BIN DATO' SHARIFF)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Edaran dalam :

1. Y.Bhg. Dato' Pengarah Tanah dan Galian Selangor
2. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian (Pembangunan Tanah)
3. Penolong Pengarah Tanah dan Galian (Pembangunan Tanah)
4. Penolong Pegawai Tadbir (Tanah)
5. Ketua Kerani Tanah
6. Semua Pembantu Tadbir Tanah